

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG  
(WANGSA MAJU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.06.2014**

**Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha yang dijalankan Kerajaan demi menyelamatkan MAS dari kerugian besar dan apakah langkah seterusnya untuk menyelamatkan syarikat berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) mula mencatatkan kerugian pada tahun 1997 dengan kerugian

selepas cukai sebanyak RM259.9 juta dan kerugian berkenaan terus meningkat kepada RM835.6 juta pada tahun 2001, kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia pada masa tersebut. MAS kembali mencatatkan keuntungan pada tahun 2002 hingga 2004 setelah melaksanakan penyusunan semula melalui *Widespread Assets Unbundling* (WAU). Walau bagaimanapun, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM1.25 bilion pada tahun 2005 dan RM133 juta pada tahun 2006 disebabkan kenaikan harga bahan api di pasaran dunia. Bagi memulihkan kedudukan kewangannya, MAS telah melaksanakan beberapa strategi dan program merangkumi Pelan Pemulihan Perniagaan (Business Turnaround Plan 1 - BTP1) pada Februari 2006 dan BTP2 pada Januari 2008. Susulan pelaksanaan strategi berkenaan, MAS berjaya mencatatkan keuntungan mulai tahun 2007 sehingga 2010.

MAS kembali mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dengan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion disebabkan kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo dan juga peningkatan kos operasi merangkumi kos bahan api dan kos bukan bahan api seperti peruntukan pemulangan pesawat, peruntukan susut nilai

pesawat kargo dan peruntukan stok usang. Melalui pelaksanaan langkah-langkah strategik di bawah pelan perniagaannya yang komprehensif, MAS telah berjaya memulihkan prestasi kewangan syarikat dengan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM431 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.52 bilion pada tahun sebelumnya. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, MAS telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 10% kepada RM15.1 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun 2012 berikutan peningkatan jumlah trafik penumpang. Walau bagaimanapun, MAS masih mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.174 bilion. Kerugian ini disebabkan peningkatan kos bahan api, kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding US Dolar (*Forex Loss*) dan kos pemulangan pesawat.

Untuk tempoh suku pertama tahun 2014, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM443 juta berbanding kerugian RM279 juta pada suku tahun pertama 2013. Lebihan kapasiti pasaran menyebabkan tekanan kepada struktur kadar tambang dan mengurangkan hasil syarikat.

Walaupun MAS telah mencatatkan kerugian pada tahun 2013 dan

suku pertama tahun 2014, syarikat penerbangan nasional ini terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang. Berdasarkan Pelan Perniagaan syarikat, MAS harus memberi tumpuan kepada inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, MAS dapat mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga yang kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain. Strategi ini telah berjaya meningkatkan faktor muatan penumpang dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan operasi syarikat.

Selain itu, jaringan perkhidmatan penerbangan MAS dikukuhkan lagi dengan penyertaannya dalam Oneworld Alliance mulai 1 Februari 2013. Melalui gabungan ini, MAS dijangka dapat meningkatkan jumlah

penumpang menerusi trafik tambahan daripada ahli oneworld yang lain dan peluasan rangkaian hubungan yang ditawarkan ke lebih 800 destinasi di 150 negara berbanding rangkaian perkhidmatan MAS sedia ada hanya ke 60 destinasi. Penyertaan MAS dalam Oneworld Alliance telah menyumbang kepada peningkatan faktor muatan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membincangkan isu berhubung kerugian MAS dan telah memutuskan supaya Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) segera menjalankan kajian *due diligence* untuk mengenal pasti punca-punca kerugian MAS dan opsyen-opsyen penyelesaian terbaik.

Susulan itu, Khazanah selaku pemegang saham terbesar MAS telahpun memulakan kajian berkaitan prestasi masa lampau dan prestasi semasa syarikat penerbangan tersebut. Kajian ke atas MAS masih dilaksanakan dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat sebaik sahaja ia dimuktamadkan bagi

membolehkan hala tuju MAS ditentukan.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
[ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian sedar kebiasaannya tawaran untuk mengerjakan Haji secara percuma selalunya diberikan kepada Imam-Imam atau Pengerusi JKKK Kampung pada setiap tahun. Apakah ada perancangan Kerajaan untuk memberi peluang kepada golongan muda agar mereka juga diberi pendedahan iaitu mengerjakan Umrah yang dibiayai oleh Kerajaan kepada golongan muda yang berkelayakan.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan tidak mempunyai apa-apa perancangan untuk menghantar golongan muda yang berkelayakan bagi mengerjakan ibadah umrah. Ini terpulang kepada golongan tersebut dan diatas inisiatif sendiri jika mempunyai niat untuk mengerjakan ibadah umrah.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menghargai peranan dan penglibatan golongan muda dalam pembangunan negara yang merangkumi pelbagai aspek. Sekiranya ada peruntukan dimasa hadapan, maka Kerajaan bersedia untuk menimbang perkara ini.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM  
(KUALA SELANGOR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.06.2014**

**YB Dato' Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim (Kuala Selangor) minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan:**

- a) adakah Kerajaan akan teruskan pelaksanaan GST pada April 2015 sekiranya kadar inflasi berada pada paras melebihi 2%; dan
- b) sejauh manakah mekanisme pemantauan yang dirangka Kerajaan untuk mengelakkan mana-mana pihak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga sewenang-wenangnya apabila GST dilaksanakan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Dengan adanya GST, hasrat untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi akan dapat dicapai. Walaupun terdapat pelbagai halangan seperti tentangan sesetengah pihak yang tidak faham akan GST ataupun berlakunya kenaikan inflasi melebihi tahap yang diramalkan, GST

tetap akan dilaksanakan. Namun begitu, Kerajaan akan memastikan GST tidak menambahkan lagi beban yang ditanggung oleh orang ramai.

Kerajaan sedar akhir-akhir ini ada segelintir peniaga yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga dengan menggunakan pelbagai alasan. Apabila GST dilaksanakan, golongan yang tidak bertanggungjawab ini akan menjadikan pula GST sebagai alasan untuk mereka menaikkan harga. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 pada 1 April 2011. Dengan adanya Akta ini, ia dapat memastikan peniaga tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya.

Selain itu, program bersama peniaga juga telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam membantu mereka mengenal pasti penjimatan kos dan kaedah penetapan harga ekoran dari pelaksanaan GST. Penguatkuasaan oleh agensi berkaitan juga akan dipergiatkan dan program kesedaran di kalangan pengguna yang sedang dijalankan dari semasa ke semasa akan diteruskan. Kerajaan juga memohon supaya pengguna memainkan peranan yang penting dalam memastikan tiada kenaikan harga yang tidak berpatutan dengan cara melaporkan kepada pihak berkuasa dan membuat pembelian secara berhemah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)

DARIPADA : Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan atau peruntukan kewangan yang disediakan untuk menangani berleluasanya kejadian tragedi kebakaran rumah-rumah panjang di Sarawak.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mementingkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan kawasan perumahan termasuklah rumah panjang. Faktor keselamatan yang diberi perhatian turut meliputi aspek kebakaran. KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM) telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat bagi penyediaan tujuh jenis kemudahan masyarakat utama, iaitu kesihatan, pendidikan, keselamatan (Polis, Bomba dan Penyelamat), pusat komuniti, perpustakaan awam dan kemudahan kebajikan.

Perancangan dan pembangunan kemudahan masyarakat hendaklah mematuhi peruntukan perundangan dan dasar sedia ada, antaranya Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 [Akta 172], Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, 1984, Akta Perkhidmatan Bomba, 1998 [Akta 341]), dan Akta Orang Kurang Upaya, 2008 [Akta 685] dan juga Enakmen-Enakmen di bawah Negeri Sarawak yang berkaitan.

Berkaitan dengan aspek kebakaran, perancangan dan pembangunan kemudahan perkhidmatan kebombaanan adalah disediakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Fungsi dan peranan Jabatan ini adalah

berdasarkan peruntukan Akta Perkhidmatan Bomba 1998 [Akta 341]. Penyediaan perkhidmatan kebombaannya di peringkat negeri dan daerah disalurkan melalui empat (4) kategori Balai Bomba iaitu Balai Bomba Kategori A; Balai Bomba Kategori B; Balai Bomba Kategori C; dan Balai Bomba Kategori D.

Perkhidmatan kebombaannya adalah berkait rapat dengan tempoh yang diambil oleh pasukan bomba dan penyelamat untuk sampai ke tempat kejadian sebaik sahaja menerima panggilan kecemasan. Tempoh ini dikenali sebagai response time. Amalan terbaik di peringkat antarabangsa mensasarkan supaya response time adalah di bawah 10 minit bagi kawasan risiko tinggi dan risiko sederhana.

Perancangan tapak kemudahan bomba juga berdasarkan kadar pembangunan sesuatu kawasan iaitu bagi daerah yang luas perlu mempunyai lebih dari satu balai cawangan. Tapak balai bomba perlu ditempatkan di lokasi yang strategik dan ideal supaya perlindungan kebakaran dapat diberikan secara optimum.

Garis panduan khusus Balai Bomba terbahagi kepada dua kategori mengikut hierarki bandar, julat/kepadatan penduduk dan kadar tekanan pembangunan.

Bagi tujuan memastikan tahap keselamatan kebakaran di rumah panjang berada dalam keadaan baik dan selamat dari risiko kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sarawak dari semasa ke semasa menekankan aspek pembelajaran awam. Di bawah aktiviti pembelajaran awam ini, pendekatan berikut telah, sedang dan akan dilaksanakan, iaitu:

- I. Kempen kesedaran keselamatan kebakaran dengan mengadakan pameran, ceramah dan latihan asas melawan kebakaran serta pengungsian bangunan;
- II. Aktiviti " Summer Camp" dimana pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sarawak berkampung atau tinggal bersama penduduk rumah panjang selama tiga hari dua malam; dan
- III. Mengagihkan alat-alat pemadam api untuk digunakan sebagai media pemadaman kebakaran di peringkat awal. Kaedah

pemadaman secara tradisional juga ditunjukkan seperti penggunaan pasir, air, guni basah dan sebagainya.

Dalam tahun 2013, sebanyak 73 buah rumah telah dilawati dalam melaksanakan aktiviti di atas. Dalam tahun 2014, disasarkan sebanyak 80 buah rumah panjang lagi akan dilawati.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014